

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : MERAPATKAN KESENJANGAN DIGITAL ANTARA BANDAR DAN BUKAN BANDAR

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesenjangan digital antara penduduk di luar bandar dan bandar dan apakah program WiFi Smart Selangor yang dilaksanakan telah berjaya menangani masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Sambungan internet (internet connectivity) merupakan faktor kejayaan utama dalam usaha untuk mengurangkan kesenjangan digital antara penduduk di luar bandar dan bandar. Namun di antara cabaran utama dalam usaha untuk membekalkan perkhidmatan WiFi Smart Selangor (WiFiSS) percuma kepada masyarakat luar bandar adalah pemasangan hotspot WiFi terhad kepada ketersediaan infrastruktur jaringan teras pihak pembekal ke kawasan sasaran.

Walaubagaimanapun, dengan strategi untuk menyediakan kemudahan WiFiSS percuma kepada perpustakaan-perpustakaan negeri, institusi pengajian tinggi, termasuk sekolah teknikal dan vokasional, pusat tuisyen, balai, dewan orang ramai dan sebagainya secara langsung dan tidak langsung telah berjaya untuk menjadikan WiFiSS sebagai *enabler* untuk mengurangkan kesenjangan digital antara penduduk di luar bandar dan bandar.

Di samping itu juga, sebuah program pembangunan jangkauan komuniti telah dibangunkan bersama oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor untuk menyediakan Smart Selangor i-Station di setiap perpustakaan daerah di Negeri Selangor. Smart Selangor i-Station menyediakan kemudahan pembelajaran secara interaktif di luar bilik darjah untuk mengasah kemahiran literasi, numerasi, berfikir aras tinggi menggunakan iOS koding, berkreatif dan memahami pembangunan awal kanak-kanak.

SmartSel Sdn Bhd, iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor juga telah ditubuhkan pada penghujung tahun 2017 untuk menerokai penyelesaian digital

alternatif bagi tujuan untuk merapatkan kesenjangan digital antara penduduk di luar bandar dan bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI SELANGOR

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan tapak pelupusan sisa pepejal yang masih beroperasi dan tidak beroperasi di Selangor mengikut daerah.
- b) Adakah Kerajaan Negeri pernah memulihkan tanah bekas tapak pelupusan sampah untuk tujuan pembangunan yang lain? Jika ya, nyatakan butir-butirnya

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mempunyai sebanyak tiga (3) buah tapak pelupusan sisa pepejal yang diuruskan oleh syarikat Worldwide Holdings Berhad (WHB), selaku anak syarikat Kerajaan Negeri dalam pengurusan pelupusan sisa pepejal iaitu:-
 - 1) Tapak Pelupusan Sanitari Jeram;
 - 2) Tapak Pelupusan Sanitari Tanjung Duabelas; dan
 - 3) Tapak Pelupusan Panchang Bedena, Sabak Bernam

Manakala tapak pelupusan sisa pepejal yang telah ditutup dengan selamat ada empat (4) buah tapak iaitu:-

- 1) Tapak Pelupusan Kubang Badak, Mukim Bestari Jaya;
- 2) Tapak Pelupusan Sg. Kembong, Mukim Beranang;
- 3) Tapak Pelupusan Ampar Tenang, Daerah Dengkil; dan
- 4) Tapak Pelupusan Sungai Kertas, Daerah Gombak

Selain itu, Tapak Pelupusan Bukit Beruntung milik Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) juga telah ditutup sepenuhnya dan sisa pepejal domestik dari kawasan MDHS dilupuskan di Tapak Pelupusan Sanitari, Bukit Tagar milik KUB-Berjaya Enviro Sdn. Bhd.

- b) Pemulihan tanah bekas tapak pelupusan sisa pepejal telah dilakukan sejak tahun 2011 ke atas Tapak Pelupusan Sanitari Air Hitam, Puchong yang kini telah dijadikan taman rekreasi dan ditukar nama kepada Worldwide Landfill Park. Tapak pelupusan berkenaan berkeluasan 42 hektar yang menampung sejumlah 6.2 juta tan metrik sisa pepejal dan telah ditutup selamat serta menjalani kerja-kerja pasca penutupan untuk lima (5) tahun. Antara kemudahan-kemudahan yang terdapat di taman rekreasi Landfill Park tersebut ialah taman permainan kanak-kanak, trek

berbasikal, jogging dan gazebo. Taman tersebut turut memiliki stesen janakuasa tenaga elektrik 2.0MW yang dihasilkan daripada gas pelupusan sisa pepejal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PELAN INDUK SUMBER AIR NEGERI SELANGOR

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah objektif, kerangka dan mekanisme utama di dalam pembangunan Pelan Induk Sumber Air Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor menyediakan Pelan Induk Sumber Air Negeri Selangor bagi tujuan rangka kerja strategik untuk sumber-sumber air mentah baik yang baru dikenal pasti atau pun air mentah sedia ada untuk menampung permintaan terhadap air mentah yang semakin meningkat. Pelan Induk ini menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil antara lainnya seperti berikut:-
- i. Mengenal pasti, menilai dan mengesyorkan sumber bekalan air baru yang berpotensi untuk dibangunkan selaras untuk memenuhi permintaan bekalan air akan datang di dalam Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan memberi tumpuan utama terhadap kawasan atau daerah yang berhadapan dengan kekurangan air (water stress) seperti Klang, Gombak, Hulu Langat dan Kuala Lumpur dalam usaha untuk memenuhi permintaan air masa hadapan yang dijangka akan berlaku peningkatan permintaan dari 5500 JLH pada tahun 2016 kepada 8612 JLH pada tahun 2065 setelah mengambil kira margin simpanan air pada kadar 15%.
 - ii. mengenal pasti sumber-sumber air mentah baru supaya Kerajaan Negeri boleh menguntukkan (earmark) mana-mana tapak yang bersesuaian untuk dibangunkan bagi Projek Bekalan Air masa hadapan, dengan ini kos pengambilan balik tanah dapat dijimatkan, antara sumber air baru yang dikenal pasti untuk dibangunkan adalah seperti berikut:-

| Bil | Sumber Air baru yang dikenal pasti | Tahun Operasi Dicadangkan |
|-----|------------------------------------|---------------------------|
| 1 | Labohan Dagang Fasa 2 | 2022 |
| 2 | Skim Rasau | 2025 |
| 3 | Langat 2 Fasa 2 | 2035 |
| 4 | HORAS 3000 | 2060 |

- iii. kebersediaan semua pihak dalam menerapkan perubahan minda dan anjakan paradigma berkaitan dengan persekitaran dan sumber air bagi memastikan kualiti air yang baik dan berhadapan dengan fenomena perubahan cuaca;
- iv. merealisasikan matlamat untuk mengujudkan sistem agihan *inter connection* di mana melalui *inter connection* ini, sekiranya berlaku henti tugas mananya loji, maka ia tidak menjelaskan pembekalan kepada pengguna sebaliknya pembekalan kepada loji yang henti tugas tadi boleh ditampung oleh loji rawatan air yang lain; dan
- v. menumpukan Pembangunan sumber air baru terutamanya di hiliran sungai boleh memberi kesan kepada budaya rakyat dalam mengamalkan sikap tidak membazir kepada sumber air sedia ada dan pada masa yang sama memupuk semangat cintakan alam sekitar di mana rakyat akan menjadi lebih bertanggung jawab dalam menjaga kebersihan sungai-sungai yang merupakan sebahagian dari sumber air mereka.

Pelan Induk ini akan disokong dengan dasar, strategi dan pelan tindakan yang dapat untuk memberi jaminan kepada kecukupan sumber air mentah dan membantu pihak yang berkepentingan dalam membuat perancangan dan pelaburan dalam pembangunan sumber air mentah supaya sumber air mentah dapat diuruskan secara mampan dan memastikan pengekalan (*sustainability*) kualiti dan kuantiti air secara jangka masa panjang sehingga tahun 2065.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMBELAAN KAUM PEKERJA

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan atau dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa pekerja (terutama swasta) terbela jika wujud atau di syaki di aniaya oleh majikan-majikan?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, tiada dasar Kerajaan Negeri yang khusus untuk memastikan bahawa peluang-peluang pekerjaan anak-anak tempatan tidak di ancam oleh pekerja-pekerja asing. Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dalam menganjurkan program - program tersebut bagi meningkatkan peluang pekerjaan di Selangor sekaligus menggalakkan lebih banyak penglibatan anak-anak tempatan dalam sektor pekerjaan seperti berikut:

i. **Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**

Program Karnival Kerjaya - *Selangor Job Fair* adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program ini akan dilaksanakan sebanyak dua (2) siri pada tahun 2018. *Selangor Job Fair* siri satu (1) telah diadakan pada 4 Ogos 2018 bertempat di *Shah Alam Convention Centre*, Shah Alam. Sebanyak 5,359 peluang pekerjaan telah ditawarkan dan daripada jumlah tersebut seramai 3,177 calon telah berjaya mendapat pekerjaan.

ii. **Pendidikan Kemahiran dan Vokasional Percuma**

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional secara percuma di Kolej INPENS bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang. Bantuan pendidikan ini dapat melahirkan tenaga-tenaga mahir di Negeri Selangor sekaligus dapat menampung keperluan industri sejarah dengan keperluan Revolusi Industri 4.0.

iii. **Program Graduate Employability and Enhancement Selangor (PROGRES)**

Program *Graduate Employability and Enhancement Selangor (PROGRES)* adalah sebuah program yang diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum

mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih. Pada tahun 2016 hingga 2017, seramai 402 peserta telah terpilih untuk menyertai PROGRESS. Daripada jumlah tersebut, seramai 347 orang peserta (86.32%) telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan di syarikat-syarikat terpilih setelah tamat program tersebut.

iv. **Program Inisiatif Kemahiran Teknikal & Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS)**

Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor dengan peruntukan sebanyak RM52,000,000 setahun. Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pembiayaan kepada 2,000 belia Selangor dalam pelbagai bidang kemahiran melalui kerjasama dengan Strand Aerospace, INPENS, Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC), dan SST & Consultancy Academy. Program kemahiran ini menawarkan pelbagai latihan teknikal dan vokasional bagi memenuhi industri seperti industri aeroangkasa dan industri halal kepada belia Selangor dalam tempoh tertentu di mana setelah tamat program kemahiran ini, belia – belia ini akan diserapkan sebagai tenaga mahir di dalam pasaran industri – industri di Selangor. Inisiatif ini sekali gus dapat mengurangkan penglibatan tenaga asing di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PERKAHWINAN BAWAH UMUR DI NEGERI SELANGOR

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan permohonan perkahwinan bawah umur sejak had umur minimum dipinda dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 pada Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Keempat Belas Tahun 2018.

JAWAPAN:

- a) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Pindaan 2018) masih belum dikuatkuasakan bagi membolehkan JAKESS membuat penyelarasan dengan semua jabatan yang berkaitan. Enakmen tersebut dijangka akan berkuatkuasa pada Januari 2019. Oleh yang demikian tiada kes yang telah didaftarkan berdasarkan enakmen yang dipinda tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : KESESAKAN TRAFIK

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan untuk meleraikan kesesakan trafik akut di kawasan Sungai Tangkas Bandar Baru Bangi akibat kesempitan jalan keluar masuk ke kawasan itu yang tidak seimbang dengan kepesatan pembangunan perumahan di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak MPKj mempunyai cadangan jangka panjang bagi menaiktaraf Jalan Reko, Persiaran KWSP dan jejambat KTMB. Mesyuarat dan pembentangan cadangan projek telah diadakan pada 9 Oktober 2018 bersama beberapa pemaju dan perunding yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua MPKj. Pihak perunding telah meminta mengkaji semula rekabentuk cadangan yang dibentangkan serta mengemukakan kos mengemukakan kos cadangan projek dengan mengambilkira kos pengambilan tanah dan yuran perunding.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : LOJI RAWATAN AIR LABOHAN DAGANG

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah status terkini loji rawatan air Labohan Dagang?
- Bilakah projek pembinaan loji ini dijangka siap?

JAWAPAN:

a) Setakat 30 Oktober 2018, status pelaksanaan Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang adalah seperti berikut:

| Bil | Nama Pakej | Kemajuan disasar (%) | Kemajuan Sebenar (%) | Peratus lewat |
|------------|---|-----------------------------|-----------------------------|----------------------|
| 1. | PAKEJ A - Kerja-kerja Pengukuhan dan Pemuliharaan Kolam Pra-rawatan dan Kolam Utama Termasuk Membina Mukasauk di Sungai Langat. | 92.8 | 92.1 | 0.7 |
| 2. | PAKEJ B - Membina, Menguji dan Mentauliah Tangki Air Konkrit Bertetulang Muatan 40ML, Kerja-kerja Cerun, Jalan Masuk Serta Kerja-kerja Berkaitan di Bukit Jugra, Kuala Langat, Selangor | 50.00 | 48.00 | 2.0 |
| 3. | PAKEJ C1 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air | 100 | 98.00 | 2.0 |

| Bil | Nama Pakej | Kemajuan disasar (%) | Kemajuan Sebenar (%) | Peratus lewat |
|-----|---|----------------------|----------------------|---------------|
| | Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor | | | |
| 4. | PAKEJ C2 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. 1800 mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Jalan Sukun, Kanchong Darat ke Jalan Bukit Jugra | 100.00 | 98.00 | 2.0 |
| 5. | PAKEJ D - Menguji dan Mentauliah Sebuah Loji Rawatan Air Berkapasiti 200 Mld serta Kerja-Kerja Berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat, Selangor | 64.00 | 64.0 | 0 |

- b) Secara amnya, kemajuan sebenar di tapak bagi keseluruhan projek telah mencapai 75%. Buat masa ini pihak kontraktor sedang dalam usaha untuk menyiapkan kerja di tapak berdasarkan jadual yang telah ditetapkan. Pada asalnya, pembangunan LRA Labohan Dagang dijadualkan siap pada Disember 2018, namun disebabkankekangan di tapak dan perubahan teknikal yang tidak dapat dielakkan, jadual kerja telah disemak dan lanjutan masa telah diluluskan sehingga 23 April 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PENCALONAN TAPAK WARISAN SEMULAJADI DUNIA UNESCO DI SELANGOR

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa perkembangan terkini berkenaan pencalonan dua tapak Warisan Dunia UNESCO daripada Selangor iaitu Permatang Kuarza Gombak Selangor dan FRIM?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, Jabatan sedang dalam peringkat menyediakan **Dossier** bagi tapak Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) dan FRIM. Dossier merupakan satu dokumen utama yang disediakan bagi mengangkat tapak PKGS dan FRIM ke arah Tapak Warisan Dunia (UNESCO). Dossier penting dalam memberi penerangan mengenai kepentingan sesuatu tapak dan menjelaskan *outstanding universal value* (OUV) tapak tersebut. Dossier juga mengandungi butir-butir tapak, justifikasi pencalonan dan tatacara perlindungan, pengurusan serta pengekalan integriti tapak.
Berdasarkan perancangan carta perbatuan, pencalonan (*inscription UNESCO*) bagi tapak FRIM adalah pada tahun 2021 dan tapak Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) adalah pada tahun 2022.

Sebagai makluman, PLANMalaysia@Selangor, Jabatan Warisan Negara dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menganjurkan satu **Persidangan Tapak Warisan Negeri Selangor** pada 14 - 15 November 2018 bersempena usaha pencalonan **World Heritage Site UNESCO (WHS-UNESCO)** bagi dua (2) tapak warisan iaitu Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) dan FRIM. Tujuan penganjuran persidangan ini diadakan adalah seperti berikut:

- i. Sebagai perkongsian ilmu hasil penemuan kajian saintifik melibatkan fakta **Outstanding Universal Value (OUV)** bagi kedua-dua tapak;
- ii. Sebagai satu platform kerjasama demi mengukuhkan lagi proses pengiktirafan WHS-UNESCO; dan
- iii. Sebagai hebahan dan promosi terhadap Tapak-Tapak Warisan Negeri Selangor Ke Arah Tapak Warisan Dunia UNESCO.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : KUMPULAN DARUL EHSAN (KDEB)

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kos pengutipan sampah setiap rumah selepas KDEB mengambilalih kerja tersebut daripada MPSJ?
- b) Jika kos setiap rumah untuk kutip sampah adalah lebih tinggi bawah KDEB, sila jelaskan sebab mengapa dan proses perolehan untuk memastikan KDEB mendapatkan kontraktor pada harga terbaik.

JAWAPAN:

- a) Kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah perkhidmatan yang melibatkan penggunaan jentera dan tenaga buruh yang ramai. Perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam ini sememangnya melibatkan kos yang agak tinggi kerana faktor penting yang menentukan kejayaan kedua-dua perkhidmatan kutipan sisa pepejal ini ialah komponen 3M iaitu *Machinery, Manpower* dan *Management* yang melibatkan kos yang besar.

MPSJ akan menjadi PBT ke - 10 yang bakal menggunakan perkhidmatan KDEB Waste Management Sdn. Bhd., sebuah *Project Management Company* (PMC) yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan negeri melalui MBI. KDEB Waste akan mengambilalih sepenuhnya perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di MPSJ mulai 1 Januari 2019.

Sebagaimana yang telah diputuskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang ke 7/2018 yang diadakan pada 7 Mac 2018 yang telah disahkan dan diluluskan oleh MMKN ke 8/2018 pada 14 Mac 2018, kos tahunan PBT berkaitan pengurusan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam hendaklah disalurkan kepada PMC untuk tujuan pelaksanaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam dan kadar harga perkhidmatan bagi setiap premis yang dikenakan hendaklah tidak kurang daripada kadar harga yang dikenakan oleh PBT sebelum ini.

MPSJ telah memperuntukkan sebanyak RM27.1 juta untuk kutipan sisa pepejal di dalam bajet 2019 berbanding RM19.9 juta di dalam bajet 2018 iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 36%. Manakala bagi pembersihan awam pula, bajet yang telah diperuntukkan oleh MPSJ bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM29.8 juta berbanding bajet bagi tahun 2018 iaitu sebanyak RM23.6 juta yang melibatkan peningkatan sebanyak 26%.

Peningkatan peruntukan bagi tahun 2019 bukanlah disebabkan oleh pengambilalihan oleh KDEB Waste tetapi sebaliknya berdasarkan jumlah inventori semasa yang terdapat di kawasan selain dari sudut *economies of scale* bagi memastikan kontraktor yang bakal dilantik kelak mampu melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam ini dengan menyediakan segala keperluan seperti jentera dan tenaga buruh yang mencukupi.

Kadar harga bagi setiap unit rumah juga adalah berbeza-beza mengikut status dan kemampuan kewangan PBT . Di dalam konteks MPSJ yang berstatus perbandaran, kadar harga bagi setiap unit rumah yang telah ditetapkan adalah hampir sama dengan kadar yang ditetapkan oleh PBT yang berstatus perbandaran yang lain di Selangor.

Perlu saya maklumkan di sini bahawa kadar harga yang diberikan oleh MPSJ kepada KDEB Waste sebenarnya adalah jauh lebih rendah daripada kadar harga yang dianggarkan oleh KDEB Waste di MPSJ. Anggaran harga KDEB Waste adalah berpandukan kadar harga untuk setiap premis yang digunakan oleh syarikat-syarikat konsesi di bawah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di peringkat persekutuan. KDEB Waste akan menampung segala kekurangan kos operasi melalui mekanisme *cross subsidized* dari sedikit keuntungan yang diperolehi daripada perkhidmatan yang diberikan di PBT yang lain dan juga bantuan dari Kerajaan Negeri sendiri melalui UPEN.

- b) Seperti yang telah diperjelaskan, peningkatan kos perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah berdasarkan jumlah inventori semasa di kawasan selain daripada mengambil kira peningkatan kos operasi dan sebagainya.

Rakyat sememangnya mengharapkan satu perubahan dan anjakan khususnya di dalam perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang terbaik kepada rakyat negeri Selangor melalui KDEB Waste. Kerajaan Negeri akan memastikan setiap kos yang diperuntukkan oleh

PBT kepada KDEB Waste ini adalah berbaloi dengan perkhidmatan yang efektif, sistematis dan *value for money*.

Dengan peningkatan bajet yang diperuntukan oleh MPSJ bagi tahun 2019 untuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, pelbagai pembaharuan bakal dilaksanakan oleh KDEB Waste di MPSJ sebagaimana yang telah dilaksanakan di PBT yang lain. Semua sub-kontraktor KDEB Waste yang terpilih kelak akan menggunakan lori kompaktor dan RORO baru buatan Jepun yang dilengkapi dengan teknologi terkini seperti *Automatic Vehicle Locating System (AVLS)*, *CCTV*, *reverse camera* dan sebagainya. Penggunaan lori kompaktor dan RORO baru ini akan dapat menyelesaikan pelbagai isu tipikal di dalam perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam seperti lori lama yang kerap rosak, tumpahan air *leachate* dan sebagainya.

KDEB Waste dengan kerjasama *Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)* juga telah mewujudkan *Centralized Command Center (CCC)* yang akan mengendalikan semua aduan yang diterima melalui pelbagai saluran termasuk aplikasi iClean Selangor selain memantau operasi sehari-hari lori kompaktor dan RORO KDEB Waste secara *real time*. KDEB Waste juga telah menetapkan di dalam prosedur operasi standard (SOP) mereka bahawa semua aduan yang diterima akan diberi maklum balas dan diselesaikan dalam tempoh 24 jam.

Kesemua penambahbaikan ini akan dapat dinikmati oleh warga Subang Jaya bermula pada 1 Januari tahun hadapan dan kesemua ini adalah *value for money* dan setimpal dengan bajet yang telah diperuntukkan oleh MPSJ kepada KDEB Waste.

Berhubung dengan proses perolehan, KDEB Waste mengamalkan sistem tender terbuka sebagaimana arahan Kerajaan Negeri. Proses pemilihan akan dibuat secara telus dan berdasarkan merit oleh Jawatankuasa Tender KDEB Waste dan keputusan muktamad akan dibuat oleh Lembaga Pengarah KDEB Waste.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan pembinaan rumah-rumah mampu milik untuk rakyat Selangor?
- b) Setakat ini berapakah jumlah rumah mampu milik yg telah disiapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan jumlah yang disiapkan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, demi memberi kebajikan dan peluang kepada lebih ramai penduduk Negeri Selangor khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah mampu milik serta memperbanyakkan lagi rumah-rumah mampu milik di Negeri Selangor, beberapa insentif / bentuk kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah diperkenalkan iaitu,
 - i) Membenarkan peningkatan densiti pembangunan di antara 90 unit per ekar sehingga 120 unit per ekar tertakluk kepada zon pembangunan dengan mengambil kira kesesuaian lokasi / tapak cadangan, kemudahan infrastruktur seperti jalan keluar masuk (keperluan Laporan "Traffic Impact Assessment" (TIA) dan keperluan mematuhi syarat teknikal yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
 - ii) Menyediakan Pusat Setempat (One Stop Centre) di LPHS melalui Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku bagi membincangkan komponen penyediaan Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku dan memudahkan / mempercepatkan proses-poses permohonan / kelulusan.
 - iii) Mempromosikan / menyebarluaskan projek-projek rumah mampu milik yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor supaya diketahui oleh rakyat jelata bagi memudahkan rakyat membuat semakan / permohonan.

- iv) Saling mendapatkan / mengemukakan senarai pembeli yang layak untuk membeli unit-unit rumah mampu milik supaya hanya mereka yang benar-benar layak sahaja dapat membeli unit-unit berkenaan (sampai kepada golongan sasar).
 - v) Selain itu, Kerajaan Negeri juga bersedia berbincang dengan Kerajaan Persekutuan khususnya berkenaan dengan penyediaan Perumahan Awam / Projek Perumahan Rakyat (PPR). Kerajaan Negeri akan berperanan dalam mengenalpasti lokasi dan menyediakan tapak yang bersesuaian dan Kerajaan Persekutuan akan menyediakan dana / peruntukan bagi menjayakan projek tersebut.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh lima (5) tahun ini, tiada unit rumah mampu milik yang telah disiapkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Namun begitu, terdapat 5 projek yang melibatkan 3,942 unit di bawah Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) sedang dalam pembinaan dan sebanyak 19 projek dengan 35,530 unit dalam perancangan. Bagi pihak Kerajaan Negeri pula sebanyak **6,303 unit** yang melibatkan 23 projek Rumah Selangorku telah pun di siapkan. Perincian status pembinaan rumah mampu milik adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Status Pembinaan Rumah Mampu Milik Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

| Agensi | Status Pembinaan (Unit) | | | Jumlah Unit |
|----------------------|-------------------------|-----------------|-------------------|----------------|
| | Siap | Dalam Pembinaan | Dalam Perancangan | |
| Kerajaan Persekutuan | 0 | 3,942 | 35,530 | 39,472 |
| Kerajaan Negeri | 6,303 | 24,389 | 74,572 | 105,264 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PKNS

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan berapakah Nilai Aset, Liabiliti, Pendapatan & Perbelanjaan PKNS daripada 2015-2017.
- b) Nyatakan keluasan tanah yang dimiliki oleh PKNS serta anak-anak Syarikat yang belum dimajukan lagi.
- c) Tanah milik PKNS di Bukit Belimbing Kuala Selangor (DUN Permatang) bilakah ianya hendak dimajukan?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan Nilai Aset, Liabiliti, Pendapatan dan Perbelanjaan PKNS daripada 2015 sehingga 2017 :

| PERKARA | TAHUN | | |
|------------------|-----------|-----------|-----------|
| | 2017 | 2016 | 2015 |
| | (RM'000) | (RM'000) | (RM'000) |
| Pendapatan | 624,358 | 825,881 | 609,141 |
| Perbelanjaan | 508,399 | 502,410 | 462,425 |
| Jumlah Aset | 6,656,065 | 5,968,840 | 5,499,588 |
| Jumlah Liabiliti | 1,739,976 | 1,151,442 | 1,002,331 |

- b) Keluasan tanah yang dimiliki oleh PKNS serta anak-anak Syarikat yang belum dimajukan lagi adalah seperti berikut :

- (i) Keluasan Tanah Milik PKNS Yang Belum Dimajukan

| BIL. | DAERAH | KELUASAN (EKAR) |
|------|----------|-----------------|
| 1. | Petaling | 268.92 |

| | | |
|---------------|-------------------|-----------------|
| 2. | Gombak | 660.92 |
| 3. | Hulu Langat | 997.76 |
| 4. | Kuala Langat | 23 |
| 5. | Hulu Selangor | 6,289.17 |
| 6. | Kuala Selangor | 142.33 |
| 7. | Sabak Bernam | 85 |
| 8. | Klang | 214.16 |
| 9. | Sepang | 333.06 |
| 10. | Cameron Highlands | 1.93 |
| 11. | Port Dickson | 0.46 |
| JUMLAH | | 9,016.72 |

(ii) Keluasan Tanah Milik Anak-anak Syarikat Yang Belum Dimajukan

| BIL. | DAERAH | ANAK SYARIKAT | KELUASAN (EKAR) |
|---------------|---|---------------------------|-----------------|
| 1. | Sungai Merab, Mukim Dengkil Daerah Sepang | Selaman | 6.036 |
| 2. | Karya 5, Mukim Klang Daerah Klang | Selaman | 0.5 |
| 3. | Klang (Jln Kebun) | PECB | 3 |
| 4. | Puncak Alam / Ijok / Kuala Selangor | Worldwide Holdings Berhad | 14.48 |
| 5. | Sungai Merab / Dengkil / Sepang | Worldwide Holdings Berhad | 4.25 |
| 6. | Bangi / Hulu Langat / Kajang | Worldwide Holdings Berhad | 15.12 |
| 7. | Subang Bestari / Petaling / Sungai Buluh | Worldwide Holdings Berhad | 55.25 |
| 8. | Kapar/Klang/Kapar | Worldwide Holdings Berhad | 7.47 |
| 9. | Seksyen 13 (Alami)/ Bandar Shah Alam/Petaling | Worldwide Holdings Berhad | 2.307 |
| JUMLAH | | | 108.413 |

c) **Perancangan Pembangunan**

Tanah milik PKNS di Bukit Belimbing Kuala Selangor yang akan dimajukan dengan pembangunan bercampur meliputi kediaman, komersial (kedai) dan sebagainya adalah seluas 59.98 ekar dengan pecahan seperti berikut:

| HAKMILIK | LUAS (EKAR) |
|----------------------|-------------|
| GM1771, Lot 937 | 10.31 |
| HS(D) 287005, PT3001 | 49.67 |

Di dalam perancangan PKNS, tapak 10.31 ekar tersebut akan memfokuskan kepada pembangunan 120 unit rumah link 1 tingkat 20'x65' dengan anggaran harga jualan bermula daripada RM250,000.00 seunit. Manakala di atas tapak 49.67 ekar akan dimajukan lain-lain jenis pembangunan termasuk unit-unit kedai, unit-unit Rumah Selangorku dan kemudahan infrastruktur.

Tindakan PKNS :

Pada Februari 2018 yang lalu, PKNS telah membuat permohonan ke Majlis Daerah Kuala Selangor bagi penukaran *zoning* pertanian kepada kediaman bagi tapak 10.31 ekar.

Kelulusan Kebenaran Merancang dijangka diperolehi dalam tahun 2019.

Kelulusan Pelan Bangunan dijangkakan pada tahun 2020.

Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada awal tahun 2021. Walau bagaimanapun, perancangan pembangunan di tapak ini akan bergantung kepada kajian pasaran semasa kelak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)

**TAJUK : PERUNTUKAN INFRASTRUKTUR UNTUK KAMPUNG-KAMPUNG
MELAYU DAN KAMPUNG-KAMPUNG TRADISI**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat kampung-kampung Melayu dan tradisi tiada pelan sistem pengairan atau sistem longkang yang terancang. Hal ini memyebabkan banjir kilat dan hakisan tanah sering berlaku di kampung. Apakah rancangan akan disediakan untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Tuan Speaker dan Sidang Dewan, kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mempunyai Rancangan Tempatan bagi kawasan masing-masing. Rancangan Tempatan (RT) adalah merupakan satu dokumen rasmi yang menerangkan perancangan gunatanah bagi setiap kawasan dalam Negeri Selangor. Rancangan Tempatan (RT) juga bukan hanya menyentuh aspek-aspek perancangan di kawasan bandar, tetapi juga menyentuh secara terperinci perancangan di kawasan-kawasan kampung.

Isu dan masalah yang berkaitan dengan banjir kilat dan hakisan tanah adalah merupakan antara isu dan masalah utama yang sering disentuh di dalam penyediaan Rancangan Tempatan (RT). Setiap Rancangan Tempatan yang disediakan telah mengenalpasti kawasan-kawasan yang terlibat dengan masalah tersebut dan cadangan-cadangan projek yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah yang dinyatakan.

Walau bagaimanapun, peruntukan bagi cadangan-cadangan projek berkenaan adalah tertakluk dibawah peruntukan Jabatan-jabatan dan PBT-PBT yang berkenaan.

Pihak Berkuasa Negeri sedang menyediakan Pelan Tindakan Khas (PTK) Kajian Penstrukturkan Semula Kampung Dalam Bandar Negeri Selangor 2019-2023. Antara skop kajian ini adalah penyediaan **Pelan Infrastruktur dan Utiliti, Trafik dan Pengangkutan Awam dan Kemudahan Masyarakat**. Sebagai permulaan, kajian ini akan melibatkan **27 daripada 519 buah kampung** yang dikenalpasti berada di dalam sempadan bandar dan menerima tekanan pembangunan yang tinggi.

Untuk makluman, kajian yang melibatkan kos sebanyak **RM1.5 juta** ini **sedang dalam peringkat penyediaan Draf Laporan Teknikal** manakala Laporan Akhir PTK dijangka siap pada **Februari 2019**. Dalam konteks perancangan, **Kerajaan Negeri tidak menggalakkan pembangunan di kawasan yang terdedah kepada**

risiko bencana termasuk banjir yang akan memberi kesan kepada kesejahteraan penduduk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : TANAMAN POKOK KAYU BAKAU

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi membendung aktiviti penebangan kayu bakau secara haram sehingga menyebabkan hakisan tanah di dalam Negeri ini?
- b) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi memelihara dan memulihara tanaman pokok kayu bakau sebagai inisiatif penebatan banjir?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) sentiasa melakukan pemantauan ke atas kawasan-kawasan berhutan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik yang melibatkan hutan paya laut di dalam Negeri Selangor kerana kawasan hutan paya laut adalah juga merupakan kawasan yang dikategorikan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar. Bermula bulan Januari sehingga Oktober 2018 sebanyak 80 rondaan pemantauan telah dilakukan oleh JPNS khusus untuk kawasan Hutan Paya Laut. Rondaan pemantauan ini merangkumi darat, udara (dron) dan laut. Rekod sehingga bulan Oktober 2018, terdapat lima (5) kes melibatkan penebangan atau pengambilan kayu bakau secara haram berjaya dikesan di Selangor dan 2 daripada kes tersebut telah berjaya dibuat pertuduhan di Mahkamah Majistret Klang. Berikut merupakan senarai kes-kes melibatkan kayu bakau yang berjaya dikesan pada tahun 2018: -

| BIL | TARIKH TANGK APAN | LOKASI | BIL. POKO K YANG TERLI BAT | KEPUTUSAN |
|-----|-------------------------|-------------|---|---|
| 1 | 28/2/2018 | Pulau Carey | 140 | Dijatuhkan hukuman penjara 6 bulan oleh Mahkamah Majistret Klang. |
| 2 | 3/6/2018 | Pulau Indah | 184 | Dijatuhkan hukuman denda RM23,000 oleh Mahkamah Majistret Klang. |

| | | | | |
|---|-----------|---|--------|---|
| 3 | 30/3/2018 | Sungai Labuhan Gurap, Pulau Indah | 10,000 | Kes ini telah di "NFA" kerana tiada bukti yang menunjukkan OKT mengambil atau memindahkan 10,000 batang kayu bakau yang telah ditemui di dalam tanah milik Central Spectrum Sdn. Bhd. |
| 4 | 27/4/2018 | Kapar | 300 | Telah dikompaun RM1,000.00 oleh JPNS |
| 5 | 30/5/2018 | Hutan Simpan Telok Gedung | 212 | Kes ini telah di "NFA" kerana tiada suspek yang ditemui ketika serbuan dijalankan. |

- b) Pihak JPNS telah menjalankan program-program penanaman pokok bakau secara komprehensif dengan penglibatan daripada pelbagai peringkat seperti pihak jabatan, agensi kerajaan dan swasta, NGO, IPTA, IPTS, syarikat, penduduk kampung, individu dan sebagainya.

Bajet peruntukan bagi program-program penanaman pokok dibiayai melalui peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Projek Pembangunan (P10) dan peruntukan Pejabat EXCO serta UPEN melalui Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, bajet peruntukan juga diperolehi daripada projek pembangunan diperingkat Kerajaan Persekutuan melalui Ibupejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) atau Kementerian Air, Tanah dan Sumber Alam (KATS) atau dahulunya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Bagi tahun 2018 sahaja, sejumlah enam (6) kempen kesedaran atau program penanaman pokok bakau telah berjaya dilaksanakan. Program ini melibatkan peserta seramai lebih kurang 8,000 orang dengan keluasan kawasan adalah lebih kurang 8.0 ha. Pada tahun ini juga, DYMM Tuanku Sultan Selangor dan DYMM Tuanku Permaisuri Selangor telah berkenan bercemar duli untuk menjalankan aktiviti penanaman pokok bersama rakyat negeri Selangor di Hutan Simpan Sepang Kechil pada 18.3.2018. Selain itu, sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2018 dan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2018 juga telah diadakan di HS Kuala Bernam, Daerah Sabak Bernam. Program terkini yang telah dilaksanakan adalah bersempena

dengan Persidangan Pengarah-Pengarah Negeri Semenanjung Malaysia yang dilaksanakan di HS Pulau Klang. Jumlah pokok yang ditanam bagi keseluruhan program pada tahun ini adalah 23,500 pokok.

Jenis dirian pokok bakau yang berlapis-lapis mengikut kesesuaian habitat memainkan peranan dan fungsi masing-masing. Kepadatan pokok yang tinggi di dalam sesuatu boleh menjadi kepada pemecah ombak dan menghalang hakisan pantai serta mengurangkan kelajuan air daripada laut ke pinggir-pinggir pantai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENGESAHAN PENDAPATAN

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagi permohonan KISS dan Kad Peduli Sihat, apakah Kerajaan Negeri ada mempertimbangkan penggunaan penyata bank (bank statement) pemohon sebagai cara pembuktian pendapatan agar lebih telus?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, pengesahan bagi permohonan program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) adalah melalui Borang Pendaftaran Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan disahkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat DUN masing-masing. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan dan menyambut baik sekiranya terdapat cadangan penggunaan penyata bank atau lain-lain cadangan yang bersesuaian mengikut keperluan serta kebertanggungjawaban pemohon untuk telus dalam memberikan maklumat diri kepada setiap permohonan program bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PROJEK RENTIS TALIAN BEKALAN ELEKTRIK PROJEK CAR KAMPUNG
BARU SUNGAI TERENTANG**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status penarikan pengambilan tanah bagi Projek Rentis Talian Bekalan Elektrik di Kampung Baru Sungai Terentang Rawang.
- b) Bilakah menara Rentis Talian Bekalan Elektrik Projek CAR akan diroboh?
- c) Apakah status tanah berkenaan Rentis Talian Bekalan Elektrik 33KV di Kampung Sungai Terentang?

JAWAPAN:

- a) Pengambilan tanah bagi jajaran asal di Kampung Baru Sungai Terentang telah diwartakan di bawah Seksyen 8, Akta Pengambil Tanah pada tahun 2007 lalu melibatkan 35 hak milik di atas tapak. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 36/2016 pada 26 Oktober 2016 yang telah mengesahkan keputusan MMKN Ke 35/2016 pada 19 Oktober 2016 bersetuju supaya penarikan balik daripada pengambilan tanah di bawah Seksyen 35 Akta Pengambil Tanah 1960 [APT 1960] dibuat ke atas kesemua 35 lot tanah di Kampung Baru Sungai Terentang yang terlibat dalam jajaran projek Rentis Talian Bekalan Elektrik "CAR" 275KV. Ini kerana jajaran baru bagi talian TNB 275KV dari PMU Bukit Tarek ke PMU Chubadak telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2014 dan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telahpun menggunakan jajaran baru tersebut.

Selaras dengan keputusan MMKN, Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri melalui surat rujukan (16)dlm.IPK.Sel.6044/2/3 bertarikh 19 Mei 2017 telah membuat permohonan secara rasmi kepada Pentadbir Tanah Gombak bagi tujuan penarikan balik daripada pengambilan yang melibatkan kawasan yang dimaksudkan.

Urusan penarikan pengambilan tanah di bawah Seksyen 35 APT 1960 telah selesai di mana Warta Kerajaan Negeri No.2394 telah diterbitkan pada 22 Jun 2017 dan kesemua endorsan Borang D (cadangan pengambilan tanah) di dalam hakmilik penduduk telah dibatalkan berkuatkuasa pada 29 Disember 2017.

- b) TNB memaklumkan bahawa pihaknya sedang dalam proses menerbitkan tender bagi kerja-kerja perobohan menara dan struktur-struktur yang berkaitan di tapak Kampung Baru Sungai Terentang Rawang. Proses tender, pelantikan kontraktor dan kerja-kerja hakiki perobohan menara dan struktur ini dijangka siap dalam masa enam (6) bulan dari sekarang.
- c) Laluan tanah untuk Rentis Talian Bekalan Elektrik 33KV di Kampung Sungai Terentang masih lagi di bawah izin lalu/rentis TNB sejak kampung itu wujud pada tahun 1949. Izin lalu/rentis TNB telah diberi oleh Kerajaan British kepada Lembaga Lektrik Negara pada ketika itu.

TNB mengesahkan bahawa rentis sedia ada di Kampung Baru Sungai Terentang, Rawang yang pada awalnya telah diperolehi secara izin lalu di bawah Akta Elektrik 1949 tidak lagi diperlukan dan dibatalkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : BANTUAN KEWANGAN KEPADA JMB ATAU MC

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain dari program Skim Ceria, adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memperuntukan sedikit bantuan kewangan untuk JMB atau MC yang mengalami masalah kutipan yuran penyelenggaraan bagi membantu penyelenggaraan kawasan JMB?

JAWAPAN:

- a) Setakat 14 November 2018, Kerajaan Negeri telah pun menyediakan bantuan kewangan sejumlah RM60,233,138.43 untuk JMB atau MC pangsapuri kos rendah untuk membantu meringankan beban kewangan mereka menguruskan bangunan iaitu seperti berikut:

| BIL | NAMA BANTUAN | TAHUN BERMULA | BIL. PENERIMA PANGSAPURI KOS RENDAH | NILAIAN BANTUAN (RM) |
|---------------|---|---------------|-------------------------------------|----------------------|
| 1. | SAFWA (Selangor Free Water Apartment) -Pembayaran terus bil air meter pukal kepada Pengrusan Air Selangor (Rebet air percuma RM11.40 perunit rumah) | 2010 | 239 kawasan 68,174 unit rumah | 53,844,624.91 |
| 2. | SMARTLIFE (Smart Lift Improvement For Quality Life) -Pembayaran terus fi kepada firma kompeten lif di bawah kontrak penyenggaraan lif jenis komprehensif. | 2017 | 23 kawasan 93 unit lif | 1,388,513.52 |
| JUMLAH | | | 60,233,138.43 | |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah langkah-langkah atau perancangan untuk mengatasi sisa sampah di kampung?

JAWAPAN:

- b) MDKS dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan kutipan sampah domestik dan sampah pukal di kampung-kampung tradisi seluruh daerah Kuala Selangor semenjak Oktober 2017. Sumbangan secara *one off* sudah dua (2) tahun disalurkan secara tahunan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)

TAJUK : SMARTSEL DAN INTERNET BERKELAJUAN TINGGI DI JENJAROM

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan dan inisiatif yang telah diambil oleh SmartSel untuk membangunkan infrastruktur internet jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan Kampung Sungai Jarom, Jenjarom dan Banting, Kuala Langat sejak penubuhannya?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, sebanyak 36 hotspot WiFi Smart Selangor telah dipasang di Banting. Dalam usaha untuk menyediakan internet jalur lebar kepada orang awam yang disasarkan, di antara cabaran utama yang dihadapi adalah tiada ketersediaan infrastruktur jalur lebar yang mencukupi bagi membekal perkhidmatan di kawasan-kawasan luar bandar. Bagi menangani isu liputan jalur tersebut, SmartSel Sdn Bhd (SMARTSEL) telah ditubuhkan pada penghujung tahun 2017 untuk meneroka dan mencari penyelesaian alternatif bagi menyediakan perkhidmatan internet ke kawasan-kawasan yang masih belum ada capaian internet termasuklah dengan merancang dan membangunkan rangkaian digital teras (Core Network).

SMARTSEL dengan kerjasama rakan telekomunikasi tempatan dan antarabangsa sudahpun mula merancang dan membangunkan rangkaian digital teras (*Core Network*) khusus untuk Selangor termasuk memasang rangkaian teras ini di kawasan luar bandar mengikut fasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah jumlah belia yang telah ditaja oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 hingga 2018 mengikut bidang masing-masing? Senaraikan.
 - Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan potensi mereka dalam bidang masing-masing?
 - Apakah pandangan kerajaan berkenaan Majlis Belia Selangor dan gabungan dibawahnya?

JAWAPAN:

- Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan aspek pembangunan belia memandangkan golongan belia merupakan agen kepada pembangunan Negara pada masa akan datang.

Justeru itu, Kerajaan Negeri amat prihatin dan menyedari akan kepentingan bidang pendidikan kepada golongan belia khususnya di Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menjalankan Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif) yang telah bermula pada 7 Mac 2014 di mana program ini adalah terbuka kepada semua kaum di kalangan belia yang terdiri daripada Penggerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT), PeBT Zon dan NGO-NGO terpilih. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (IPSAS, UPM) yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan belia. Melalui program ini, Kerajaan Negeri telah memberi tajaan sebanyak RM9,400.00 seorang kepada 23 orang pelajar dengan jumlah keseluruhan tajaan adalah sebanyak RM216,200.00. Kesemua pelajar ini telah berjaya menamatkan pengajian dan menghadiri majlis graduasi yang telah diadakan pada 6 November 2018 oleh pihak UPM.

Seterusnya, pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah meneruskan program ini bagi fasa kedua yang mana seramai 30 orang pelajar yang akan ditaja dengan kos sebanyak RM10,000.00 seorang dan jumlah keseluruhan tajaan adalah sebanyak RM300,000.00.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah menjalankan Program Kemahiran Teknikal bermula pada tahun 2018 dengan jumlah keseluruhan peruntukan pada tahun ini ialah sebanyak RM6,026,975.00. Program ini bertujuan untuk memberi

peluang kepada golongan generasi muda yang terdiri daripada golongan keluarga yang berpendapatan rendah untuk melanjutkan pelajaran di dalam Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di INPENS International College. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk membantu meringankan beban kos sara hidup keluarga berpendapatan rendah melalui penajaan pendidikan kepada pelajar INPENS International College. Untuk makluman, penajaan pendidikan adalah merangkumi kos yuran pengajian (tertakluk kepada kursus), yuran asrama (RM100 sebulan), elaun makan/ minum (RM11 sehari) dan elaun sara hidup (RM150 sebulan) kepada pelajar INPENS International College yang memenuhi syarat permohonan yang ditetapkan. Melalui program ini, seramai 3,983 orang yang menerima manfaat.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan aspek pembangunan belia memandangkan golongan belia sering ditakrifkan sebagai golongan muda yang akan mewarisi kepemimpinan Negara pada suatu masa nanti. Justeru, belia seharusnya memikirkan tanggungjawab dan peranan yang bakal mereka pikul dan galas pada masa depan. Memandangkan rintangan yang perlu ditempuhi oleh pemimpin Negara pada masa kini amat mencabar maka sudah tentu rintangan yang bakal ditempuhi oleh belia yang akan mewarisi tampuk pentadbiran Negara, masyarakat atau sesebuah organisasi masa depan lebih mencabar. Berikutnya, belia wajar diberi peluang untuk sama-sama terlibat di dalam urusan dan pentadbiran sesebuah organisasi mahupun masyarakat.

Sehubungan itu, dalam usaha untuk menyesuaikan pekerjaan dan kelayakan warga Selangor khususnya dalam kalangan belia, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa tindakan dan perancangan seperti berikut:

- i. Penubuhan INPENS International College yang menyediakan peluang latihan kepada pelajar lepasan SPM, pelajar keciciran persekolahan, belia menganggur serta belia yang meminati ilmu teknikal dan vokasional untuk mempelajari ilmu latihan kemahiran;
- ii. Untuk memenuhi permintaan industri, pihak kerajaan telah mengadakan kerjasama dengan Selangor Human Resources Development Center (SHRDC) yang berfungsi sebagai rakan kongsi dengan industri untuk menentukan kemahiran dan kecekapan di dalam program persijilan iaitu melaksanakan program pembangunan bakat terutamanya bagi lepasan sekolah, lepasan graduan serta pekerja industri sendiri. Tahap penerapan pekerjaan bagi peserta program-program ini mencapai sehingga 95-100%. Antara program yang dilaksanakan adalah:

| | Program | Tempoh masa / Bidang |
|----|-----------------|-----------------------------|
| i. | Program Latihan | - 3 hingga 6 bulan |

| | | |
|------|------------------------------------|--|
| | Bersama Industri | - mechatronic,semiconductor, ICT dan lain-lain |
| ii. | Program lepasan sekolah | - pembangunan bakat lepasan SPM dalam bidang mechatronic dan solar |
| iii. | Program kemahiran belia menganggur | - pembangunan bakat dalam bidang ICT, semiconductor, footwear, mechatronic dan lain- lain. |

- iii. Program Jom Kerja berbentuk Karnival yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor dengan mengadakan temu duga terbuka (*walk in interview*) oleh syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja;
- iv. Kerjasama dengan Kumpulan Peransang Selangor Berhad dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad yang melaksanakan Program Ransangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) dan kini dikenali sebagai Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) bertujuan untuk membantu para siswazah Selangor dan rakyat Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan dalam mempertingkat pengetahuan dan keupayaan diri mereka melalui penyediaan latihan sama ada dalam bentuk kemahiran umum (*softskill*) atau kemahiran - kemahiran teknikal; dan
- v. Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas *Smart* Selangor (IKTISASS) telah dilaksanakan yang menyediakan inisiatif seperti berikut:
 -
 - i) Program pengajian dan latihan dengan memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang diperlukan oleh pihak industri di tujuh institut latihan di Negeri Selangor yang merangkumi lima bidang utama iaitu *life sciences, food and beverages Manufacturing, electrical and electronics, transport equipment and machinery and equipment*.
 - ii) Antara program yang dilaksanakan untuk kategori Belia Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ialah program latihan kemahiran dengan kerjasama pihak industri bagi meningkatkan nilai tambah (*value-added*) kepada pekerja lepasan SPM, agar dapat menceburi bidang teknikal sesuai dengan perancangan tenaga kerja mahir dengan syarikat yang terlibat. Selain itu, bagi menyokong jumlah bakat yang mencukupi untuk peralihan industri di Selangor ke arah

aplikasi *Smart Factory* dan *Smart Manufacturing* selaras dengan cabaran Industri 4.0. Program *Internship High Impact Talent* (i-HIT) dilaksanakan yang melibatkan graduan dalam bidang kejuruteraan.

- iii) Melalui kerjasama dengan *Strand Aerospace Malaysia*, program yang telah dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kualiti graduan dalam aspek keyakinan dan kemahiran bertindak bagi persediaan bekerja dalam industri berimpak tinggi yang seiring dengan revolusi industri 4.0. Pada penghujung latihan peserta yang terbaik akan diberi peluang untuk di temu duga bersama industri aerospace dan syarikat multinasional.
 - iv) Jumlah penyertaan sehingga Oktober 2018 ialah seramai 1197 orang dan ukuran kejayaan Program IKTISASS ialah memastikan 80 peratus pelajar atau pelatih yang menjalani latihan akan mendapat penempatan pekerjaan atau menyambung pengajian atau latihan ke peringkat lebih tinggi.
- c) Untuk makluman, Majlis Belia Selangor (MBS) telah berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia di bawah **Akta Pertubuhan Belia Dan Akta Pembangunan Belia 2007 (Akta 668)** dan menjadi ahli gabungan kepada Majlis Belia Malaysia. Begitu juga dengan gabungannya, merupakan pertubuhan – pertubuhan belia yang turut berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (**Registrar of Youth Society, ROY**). Selain itu, Majlis Belia Selangor yang bergabung di bawah Majlis Belia Malaysia diangkat sebagai badan induk pertubuhan belia di peringkat Negeri yang menggabungkan dan menyelaraskan semua pertubuhan belia yang bergabung dengannya.
- MBS dan gabungannya berfungsi untuk:
- i. menyalurkan suara belia kepada kerajaan melalui Majlis Perundingan Belia Negara peringkat Negeri dan daerah;
 - ii. bekerjasama dengan kerajaan dalam menjalankan program dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan belia;
 - iii. melaksana apa-apa fungsi lain di bawah Akta 688 ini.

MBS juga berperanan sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dalam hal yang berkaitan dengan pembangunan belia selaras dengan perlembagaan mereka (MBS). Hal yang sama turut dimainkan oleh gabungannya samada di peringkat

Negeri mahupun di daerah, sebagai suara belia kepada pihak kerajaan, serta untuk melatih kepimpinan belia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : BANTUAN RUMAH KEBAJIKAN SEPERTI RUMAH ORANG TUA, ANAK YATIM, OKU DAN LAIN-LAIN

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Selangor dapat memberi bantuan dari segi kewangan untuk membantu rumah kebajikan seperti rumah orang tua, rumah anak yatim bawah kerajaan persekutuan?
- b) Selain dari segi kewangan, apakah bantuan dapat diberi oleh kerajaan untuk meringankan beban rumah kebajikan?

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali:-

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap rumah-rumah kebajikan yang terdapat di Negeri Selangor sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat persekutuan. Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 setahun kepada badan bukan kerajaan (NGO) termasuk rumah-rumah kebajikan seperti rumah orang tua dan rumah anak yatim melalui bantuan berbentuk kewangan mengikut permohonan dan berdasarkan keperluan di rumah-rumah kebajikan berkenaan.

Selain itu, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor juga turut menyediakan Bantuan Orang Tua (BOT) sebanyak RM350.00 sebulan kepada klien warga emas yang layak dan berusia 60 tahun ke atas. Manakala rumah kebajikan yang berada dibawah operasi jabatan berkenaan adalah seperti Rumah Ehsan di Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor dan Rumah Seri Kenangan di Cheras menyediakan perkhidmatan penjagaan termasuk makan minum kepada penghuni secara percuma dan turut menerima sumbangan daripada orang awam sebagai salah satu punca pendapatan mereka.

Maklumat Tambahan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain dari bantuan kewangan seperti Geran Pentadbiran, Geran Rangsum, Geran Per Kapita dan Geran Pembelaian terdapat bantuan lain yang diberikan dalam meringankan beban rumah kebajikan antaranya;

- 1) Bantuan sokongan permohonan pengecualian cukai di bawah

subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan

- 2) Perkhidmatan kempen advokasi yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bertujuan untuk membantu pengendali atau rumah-rumah kebajikan berdaftar. Objektif kempen ini diadakan adalah seperti berikut.
 - i. Menghimpun kesemua pengendali Pusat Jagaan yang tidak berdaftar untuk tujuan advokasi;
 - ii. Memberi penjelasan dan kefahaman kepada pengendali pusat jagaan mengenai peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993;
 - iii. Memberi pendedahan mengenai proses pendaftaran berasaskan standard minimum Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah ditetapkan;
 - iv. Memberi peluang pengendali Pusat Jagaan yang tidak berdaftar untuk bertemu dengan wakil agensi-agensi teknikal pada waktu dan di tempat yang sama (*One Stop Service*); dan
 - v. Meningkatkan kualiti perkhidmatan agensi kerajaan melalui kerjasama strategik dan memudahkan orang awam untuk melancarkan proses pendaftaran.

